

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 19/8/2016

Muka surat: 14

Tajuk : Penyakit malaria tidak boleh dipandang remeh: Dr Balbir

## Penyakit malaria tidak boleh dipandang remeh: Dr Balbir

**KUCHING:** Bagi rakyat Malaysia penyakit bawaan nyamuk iaitu denggi atau malaria pasti sudah lazim didengari.

Malah, beberapa tahun kebelakangan ini, negara juga digemparkan dengan serangan dua penyakit itu yang akhirnya membawa kematian kepada penghidapnya.

Kebanyakan masyarakat dilihat lebih menggeruni penyakit denggi kerana ia sering dikaitkan sebagai punca demam hasil gigitan nyamuk sekali gus menolak bahaya malaria yang sebenarnya juga salah satu daripada punca sama yang mudah merebak dalam masa singkat selepas dijangkiti.

Bagaimanapun, Pengarah Pusat Penyelidikan Malaria (MRC) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Dr Balbir Singh berkata, penyakit malaria tidak boleh dipandang remeh kerana seperti mana-mana penyakit berjangkit lain, malaria cuma memerlukan satu sumber dan pesakit untuk ia menjadi satu wabak yang besar.

"Malaria adalah penyakit seangkatan dengan denggi



BALBIR

dan banyak lagi penyakit yang mempunyai penyebaran yang sama. Ia boleh disebarkan menerusi vektor tertentu, terutamanya gigitan nyamuk betina Anopheles.

"Meskipun spesies nyamuk dan cara pembiakan banyak perbezaan, namun pesakit yang dijangkiti malaria perlu mendapatkan rawatan segera di hospital kerana kalau ia tidak diubati, ia boleh mengakibatkan manifestasi yang teruk dan boleh membawa



**TERUJA:** Kira-kira 300 peserta tidak melepaskan peluang mendengar ceramah umum bertajuk 'The M&Ms: Malaria, Man, Monkeys & Mosquitoes' semalam.

maut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan caramah umum bertajuk 'The M&Ms: Malaria, Man, Monkeys & Mosquitoes' yang dihadiri

kira-kira 300 peserta bertempat di Auditorium Pustaka Negeri, di sini semalam.

Jelasnya, mangsa yang dijangkiti malaria pada peringkat awal mungkin tidak meng-

etahui dirinya telah dijangkiti parasit berkenaan sehinggalah timbul simptom penyakit malaria.

"Nyamuk memerlukan sel-sel darah merah dan he-

moglobin untuk bertelur dan semasa ia menghisap darah daripada mangsa, parasit yang bernama Plasmodium yang dipercayai lebih besar daripada virus dan bakteria di dalam air liur nyamuk itu akan memasuki kitaran darah mangsa dan perlahan-lahan bergerak ke sel-sel hati mangsa untuk terus berkembang dan membiak.

"Antara simptom malaria termasuklah demam panas selang dua atau tiga hari akibat kitaran penggandaan mengikut jenis parasit malaria yang ada dalam darah," jelasnya sambil menambah malaria telah membunuh hampir sejuta penduduk dunia dan ia adalah penyakit yang serius.

Selain itu, beliau turut berkongsi penemuan hasil penyelidikannya yang berkait rapat dengan punca malaria yang menjelaskan terdapat parasit malaria yang ditemui daripada spesies kera yang dikenali sebagai P.Knowlesi.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Sains Perubatan dan Kesihatan UNIMAS Profesor Dr Ahmad Hata Rasit.